



SEEKOR beruang matahari mencero boh sebuah resort di Teruntum dirakam kamera litar tertutup.

Shahrinnahar Latib
am@hmetro.com.my

Kuantan

S seekor beruang matahari yang sebelum ini sering berkeliaran di sebuah resort di Taman Teruntum di sini, akhirnya berjaya ditangkap oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Taman (PERHILITAN) Pahang tengah malam, semalam.

Pengarah PERHILITAN Pahang, Ahmad Azhar Mohammed berkata, beruang yang dianggarkan berusia empat tahun itu berjaya ditangkap menggunakan perangkap yang dipasang di Mini Zoo Teruntum, di sini, jam 12.15 tengah malam.

Katanya, PERHILITAN menggunakan umpan susu, minyak, madu dan buah-buahan untuk memerangkap beruang berkenaan.

“Pada 18 Januari lalu, kita menerima aduan mengenai kehadiran seekor beruang yang menyelongkar tong sampah di resort berkenaan.

“Kita memasang dua perangkap di dalam kawasan resort itu dan pada 16 Februari lalu kita menerima laporan daripada kakitangan Mini Zoo Teruntum memaklumkan melihat kelibat haiwan itu berhampiran stor,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), pihaknya memindahkan perangkap dari resort itu dan menempatkan di Mini Zoo Teruntum.

“Pada awal pagi tadi (tengah malam semalam) beruang terbabit memasuki perangkap yang ditempatkan dalam Mini Zoo Teruntum.


“Haiwan itu akan dihantar ke National Wildlife Rescue Centre di Sungkai, Perak pada pagi esok (hari ini),” katanya.

Menurutnya beruang seberat kira-kira 50 kilogram itu akan dikuarantin selama 40 hari untuk saringan penyakit sebelum dilepaskan semula ke habitat baru.

Sebelum ini media pernah melaporkan mengenai kehadiran seekor beruang matahari yang sering memasuki dan berkeliaran di sekitar kawasan resort berkenaan sejak sebulan lalu.

Menurut kakitangan resort, sehingga kini sudah empat kali beruang berkenaan memasuki kawasan blok penginapan dan ini meresahkan pihak pengurusan serta pengunjung.

Beruang berkenaan dipercayai kelaparan dan memanjat pagar memasuki kawasan hotel untuk menyelongkar tong sampah.



BERUANG matahari memasuki perangkap PERHILITAN Pahang.